

BAB SATU

BAB 1

PENDAHULUAN : MUA'LAF¹

1.1 Definisi bahasa

Di dalam kitab kamus *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, perkataan mualaf ini datang dari kalimah *ālaḥa - yu'ālifu - muālafatan*, yang memberi maksud jinak, dia menjinakkan, yang dijinakkan.²

Sarjana Nusantara Melayu yang terkenal, Syeikh Idris al-Marbawi di dalam kamusnya telah meletakkan mualaf di dalam bab *alifa - ya'lafu - alfan* yang membawa maksud juga pengertian suka ia atau gemar ia atau menjinaki. Adapun mualaf itu ada dua pengertiannya sama ada mereka yang baru memeluk Islam atau benda yang dikarang seperti buku, ini adalah kerana *mua'llif* itu bererti pengarang.³

Kalimah *mua'llafah* المؤلفه pula adalah kalimah *mua'nnath*

kepada مؤلف Dan perkataan *mualaf* adalah daripada kalimah *al-*

¹ Mualaf dengan satu huruf "l", bukan muallaf, lihat Teuku Iskandar, (1994), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 900.

² Ahmad Mükhtār 'Umār (1988), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī, Tunis : Āl- al-Munazzomāh al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Shūqofah wa ūl-'Ulūm*, h 101

³ al-Marbawī, Muḥammad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf (1350H). *Kamus Idrīs al-Marbawī*. Kaherah : Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih. h. 26

Ta'rif التاليف yang membawa maksud mereka yang memeluk agama

Islam dan niatnya lemah .⁴

1.2 Definisi syarak

Muallaf ini dirujukkan kepada firman Allah SWT bermaksud:

♦ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ
فَلَوْبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَنَامِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya ;

" Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak merdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir (orang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian adalah) satu ketetapan yang datangnya dari Allah, dan ingatlah Allah Maha mengetahui lagi Maha bijaksana " .

Sūrah al- Taubah (9) : 60

⁴ al-Sāyid Muḥammad ' Abd Allāh al-Jurdānī (1990), *Fath al-a'llām*, j. 3, Kaḥerah : Dār al-Salām, m.s. 476.

Menurut pengarang kitab *Fath al-a'llām* pula,⁵ *mu'allaf* itu terbahagi kepada empat bahagian :-

1. Mereka yang memeluk Islam sedangkan iman mereka masih lemah.
2. Peribadi mereka yang memeluk Islam ini agak istimewa, ada pengaruh sekira-kira agihan zakat yang diterimanya boleh mempengaruhi masyarakat lain untuk turut sama memeluk Islam.
3. Orang Islam yang diperangi atau dibimbangi sikapnya yang enggan membayar zakat sehingga dibicara di hadapan pemerintah Islam.
4. Orang Islam yang tinggal berhampiran dengan orang kafir atau pemberontak (*bughāh*), semua mereka diberi agihan zakat walaupun mereka kaya.⁶

Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān dalam *Mufasssal fī ahkām al-mar'ah* membahagikannya kepada dua kategori. Mualaf dari kalangan muslim dan mualaf dari golongan kafir.

Mualaf dari kalangan muslim ada empat kategori;

⁵ al-Sāyd Muḥammad 'Abd Allāh al-Jurdānī (1990), *op.cit.*, m.s. 476.

⁶ *Ibid.*

Pertama, tokoh kaum Muslim yang mempunyai saingan daripada kalangan orang kafir dari segi kepimpinan dan kemasyhuran di kalangan kaum mereka. Mereka diberi bahagian zakat dengan harapan agar dapat menjinakkan hati keluarga dan rakan-rakan mereka dengan kebaikan Islam.

Kedua, tokoh-tokoh yang ditaati oleh kaum mereka. Pemberian zakat kepada mereka diharapkan semakin dapat meningkatkan iman dan kesetiaan mereka dalam perjuangan. Itulah tujuan pemberian zakat kepada mereka.

Ketiga, mereka yang tinggal di perbatasan negara kaum muslim. Mereka diberi agihan zakat untuk mempertahankan diri dari kejahatan orang kafir yang berada di sempadan negara Islam.

Keempat, mereka yang diberi tugas untuk mengumpulkan zakat daripada kalangan yang enggan membayar zakat, kerana mereka dianggap kuat dan mampu mengalahkan orang yang enggan atau melambat-lambatkan pembayaran zakat.⁷

⁷ 'Abd al-Karīm Zaydān (1999), *Ensiklopedia Fiqh Wanita*, Bahrudin Fannani (terj.), c. 1. Bangi ; Syabab Publishing House, J.2, m. s.138.

Dari golongan kafir pula, mu'laf itu ialah mereka yang diharapkan untuk memeluk Islam sehingga pemberian bahagian zakat kepadanya dimaksudkan bagi menguatkan lagi rasa cintanya kepada Islam. Dan yang keduanya orang kafir yang dikhuatirkan kejahatannya dan pemberian ini adalah untuk mencegah kejahatannya dan pengikut-pengikutnya.⁹

Pandangan tersebut didasarkan kepada perbincangan para ulama yang melihat perbuatan Nabi S.A.W selepas selesai peperangan Hunain, dan ini bermakna bahagian zakat boleh diberikan kepada mu'laf yang belum memeluk Islam dengan tujuan bagi melembutkan hati mereka.¹⁰

Dalam peperangan Hunain, musuh Islam bertempiran lari apabila turun pertolongan Allah S.W.T dengan meninggalkan harta *ghanimah* yang banyak. Lalu Nabi S.A.W mengagihkannya kepada golongan mu'laf dengan agihan yang banyak. Antara yang menerima agihan tersebut ialah Abū Sufyan dan anak-anaknya.

Terdapat juga pendapat yang mengkhususkan kepada satu-satu kaum sahaja atau orang-orang yang tertentu sahaja yang termasuk di dalam satu kategori mu'laf. Antara lain, Ibnū Ābbās menegaskan bahawa *al-mu'laf* itu ialah kumpulan orang-orang mulia dan disegani. Rasulullah

⁹ *Ibid.*, m.s 138.

¹⁰ Yūsuf Al-Qaradāwī (1996), *Fiqh al-Zakāh*, J.2, Beirut : Mu'assasah ar-Risālah, m.s 597.

S.A.W telah memberikan habuan zakat pada masa perang Hunain.

Mereka adalah seramai 15 orang yang terdiri daripada:

- 1) Abū Sufyān bin Ḥarb
- 2) Al-Aqrā' bin Ḥābis
- 3) 'Uyainah bin Ḥuṣāin
- 4) Ḥuwaiṭib bin 'Abdul 'Uzzā
- 5) Suhail bin 'Amrū
- 6) Al-Ḥārith Ibn Hisyām
- 7) Suḥāil bin 'Amrū
- 8) Ḥakīm bin Ḥizām
- 9) Mālik bin 'Aūf
- 10) Ṣafwān bin Umayyah
- 11) 'Abd al-Raḥmān bin Yarbu'
- 12) 'Adī bin Qīs
- 13) 'Amrū bin Mardās
- 14) Al-'Alā bin Ḥārithah.

Setiap mereka memperolehi seratus ekor unta dari Rasulullah S.A.W kecuali 'Abd al-Raḥmān bin Yarbu' yang menerima lima puluh ekor unta, Ḥakīm bin Ḥizām pula menerima tujuh puluh ekor unta, pendapat Ibnu 'Abbās di atas lebih mengkhususkan kepada orang-orang

tertentu sahaja yang termasuk di dalam ungkapan *mu'allafah qulūbuhum* .
Ini adalah berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku selepas Hunāyn.¹¹

Oleh itu mereka diberikan habuan zakat untuk menguatkan iman dan niatnya itu. Juga mereka yang memeluk Islam dengan niat yang kuat tetapi mempunyai pengikut atau kemuliaan di kalangan kaumnya. Dengan harapan agar pemberian harta zakat itu akan dapat mengislamkan pengikutnya yang lain.¹²

Di dalam kitab-kitab sejarah Islam , kisah pengagihan kepada asnaf mu'alaf ini jelas pada peristiwa pembukaan Mekah dan peperangan Hunain.¹³

PENGUNAAN ISTILAH SAUDARA BARU DI MALAYSIA

Penggunaan istilah Saudara Baru atau mu'alaf adalah disebabkan oleh :

1. Membezakan antara orang Melayu dengan lain-lain bangsa kerana ada beberapa hak yang termaktub dalam perlembagaan.
2. Untuk memudahkan urusan pengagihan zakat Islam. Dibawah satu peruntukan iaitu mu'alaf, walaupun mereka telah lama

¹¹ Imam al-Fakhr al-Rāzī al- (tt), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 15, Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, m.s. 111.

¹² al- Sayyid Muḥammad ' Abd Allāh al-Jurdānī (1990), *op.cit.* m.s 476.

¹³ Sa'īd Ramadhān al-Būṭi, (1994), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Kaherah : Dār al-Salām, m.s.88. Lihat juga Al-Mubārākfūrī, Ṣāif al-Rāḥmān, (1988), *al-Raḥīk al-Makhtūm*. Beirut ; Dār al-Kutub al-'Ilmāniyyah, m.s. 386.

memeluk Islam. Kaedah ini amat menyenangkan kerana bantuan adalah sama tetapi bagi orang Melayu mereka menerima peruntukan dari asnaf-asnaf yang lain seperti fakir miskin sebagai contoh bantuan sara bulanan, sewa rumah dan lain-lain.¹⁴

Kaitan dengan mu'alaf

Istilah 'saudara baru' sebenar mula muncul sejak awal tahun 1970-an setelah gerakan dakwah yang disebarkan mula mendapat sambutan dari kalangan bukan Melayu. 'Saudara baru' boleh diertikan sebagai ganti istilah mu'alaf (orang yang dijinak-jinak) yang diambil dari istilah Al-Qur'ān (*المؤلفة قلوبهم*)

Tetapi oleh kerana sebahagian besar mereka yang sudah memeluk Islam merasa kurang senang dengan panggilan mu'alaf sekalipun membawa pengertian yang murni dianggap ada unsur penghinaan oleh mereka yang mengalaminya maka mereka lebih senang dipanggil dengan panggilan saudara baru dalam Islam.¹⁵

¹⁴Hussain Ahmad (1978) , " *Saudara Baru dan Masalahnya* ". *Masa Journal*, Bil 1. ,1398. Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, m.s. 73.

¹⁵ Ismail Abdul Rahman (1991), *Islam: Caharan dan Isu Semasa*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, m.s. 34.

Walaupun istilah saudara baru ini nyata diberi nilai dan pewarnaan Islam oleh masyarakat yang menciptanya, namun ia merupakan satu istilah yang tidak boleh ditemui di mana-mana rumpun bangsa di tempat lain dalam perjalanan sejarah tradisi umat Islam.

Malahan dalam masyarakat Melayu–Islam di Malaysia pun kelihatan ia muncul agak lewat, kerana Kamus Dewan edisi awal (seumpama edisi 1970) didapati tidak memuatkan istilah ini. Kita hanya boleh temui istilah ini ini dalam edisi Kamus Dewan yang lebih lewat.¹⁶

Padanan tepat kepada istilah saudara baru yang sudah tersedia wujud dalam tradisi Islam ialah istilah *mu'allaf*; yang diambil secara langsung daripada potongan ayat al-Qur'an, sūrah al-Taubah, ayat 60 yang menjelaskan golongan mereka yang layak menerima agihan zakat:

Penulis kitab *Fī Zilāl al-Qur'ān* menjelaskan bahawa, disamping beberapa golongan lain seumpama golongan kafir yang ada harapan memeluk Islam, maka salah satu golongan yang termasuk ke dalam istilah *mu'allafah* ialah di kalangan mereka yang baru memeluk Islam.

¹⁶ Zakaria Stapa (1998), "Pemantapan Akidah Saudara Baru" (Seminar Penghayatan Islam Saudara Baru II di Universiti Kebangsaan Malaysia, 7 November 1998), m.s. 3.

Pemberian zakat kepada mereka adalah untuk menunjukkan keprihatinan Islam dan ummahnya terhadap usaha meneguhkan mereka terhadap agama Islam ini juga untuk menyemarakkan lagi dakwah Islam yang akhirnya membuktikan kesempurnaan hikmah hukum ketetapan Allah S.W.T di dalam mentadbir urusan orang-orang Islam dalam suasana zaman dan persekitaran yang berbeza.¹⁷

Sebenarnya telah terserlah rahsia keunikan masyarakat Melayu – Islam di sebelah sini, yang mana lahir istilah saudara baru, ini adalah kerana istilah ini memperlihatkan warna sebenar hati budi masyarakat Nusantara yang mengambil berat, prihatin serta pengiktirafan mereka terhadap mereka yang baru memeluk agama Islam. Masyarakat Melayu Islam menerima mereka bagai ‘saudara’ mereka yang yang baru dalam kehidupan beragama. Istilah ini juga sebagai tanda masyarakat Melayu Islam sedia untuk membantu kehidupan mereka sebagai seorang saudara dalam mengharungi kehidupan harian, ternyata masyarakat Melayu Islam dahulu sudah mengasaskan tradisi yang baik dan meninggalkannya untuk diteruskan oleh generasi akan datang dengan proses pemurnian pelaksanaan mengikut peredaran zaman..

¹⁷ Sayyid Qutb (1993), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Cet. 21, Jld 3. Kaheerah ; Dār al-Syurūq, m.s. 1669.

Hal ini bersesuaian dengan sifat kehidupan masyarakat orang-orang yang beriman.

Firman Allah S.W.T :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya :

“ Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara ”

Sūrah al-Hujurāt (49) : 10

Istilah ini lahir sesungguhnya dari persekitaran iman yang sihat, menggambarkan lingkungan konsep *ukhuwwah* dari ayat tadi sedang dan telah diamalkan secara tidak sedar oleh masyarakat Melayu Islam sejak zaman berzaman. Konsep '*ukhuwwah fi Allāh*' ini mempunyai makna yang besar kesannya dalam masyarakat.

Ini bermakna konsep persaudaraan telah diterima dalam isu penerimaan golongan muafak atau saudara baru yang baru memeluk Islam, sudah tentu masyarakat Melayu Islam khususnya di tanahair kita perlu

memahami dengan tepat akan hak-hak serta keperluan mereka yang mesti dipenuhi.¹⁸

Ini bermakna hak-hak biasa seorang muslim, mestilah dipenuhi seperti yang dinukilkan oleh al Marhum Sa'īd Ḥawā berkaitan hak sesama saudara semuslim; menyebarkan salam, menerima jemputan, doa ketika mendengar bersin, ziarahnya apabila ia sakit, mengiringi jenazah ke kubur, memberi nasihat apabila diminta, menjaga maruah dan kehormatannya.¹⁹

Antara hak yang besar ialah hak kasih sayang dan hormat menghormati, sebab itu di dalam Al Qur'an, Allah S.W.T. telah menggambarkan perwatakan Rasulullah S.A.W selaku suri tauladan kepada umat Islam, baginda amat tegas dengan orang kafir *ḥarbi* dan saling berkasih sayang sesama muslim.

Allah S.W.T berfirman :-

رُحَمَاءَ بَيْنَهُمْ

Maksudnya:

“...dan saling berkasih sayang sesama mereka”

Sūrah al-Fath 34:29

¹⁸ Zakaria Stapa (1998), *op.cit.* Bangi.

¹⁹ Sa'īd Ḥawā (1988), *al-Mustakhlaf fi Taḥkiyyah al-Anfus*, c.4., Kaherah ; Dār al-Salām, m.s. 444-462.

Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam tafsirnya membawa dua hadith Nabi SAW bagi menerangkan ayat *ruhamā'u bainahum* sebagai asas persaudaraan muslim yang beriman kepada Allah SWT.²⁰

Sabda Nabi S.A.W :

Maksudnya : “ Bandingan antara sesama orang-orang mukmin dalam berkasih sayang, berbelas kasihan dan berlemah lembut sesama mereka seumpama satu anggota badan, apabila salah satu anggotanya mengeluh sakit, lalu sakitlah seluruh anggotanya dengan tidak dapat tidur serta merasa demam”.²¹

Dan sabda Nabi S.A.W :

Maksudnya :

“Orang Islam adalah saudara kepada orang Islam yang lain, tidak boleh mengkhianati, mendusta dan membiarkannya dihina orang. Adalah menjadi kewajipan antara sesama muslim menjaga keselamatan, harta dan darahnya. Taqwa di sini (mengisyaratkan kepada

²⁰ Dr Wahbah Zuhayli (1991), *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, m.s. 208 Juz 26, Damsyik : Dar al-Fikr.

²¹ al-Nawawi (1996), *Riyad al-Salihin min Kalām al-Mursalin*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, no 224, m.s. 167.

dadanya). Sudah cukup seseorang itu dianggap jahat sekiranya ia menghina saudaranya sesama Islam".²²

Ini bermakna, masyarakat Melayu kita yang terkenal dengan sifat penyantun dan berbudi bahasa ini dari generasi dahulu telah meletakkan asas yang baik untuk generasi kini meneruskannya dengan gerak kerja dakwah yang lebih tersusun bagi menyampaikan hak-hak golongan ini.

Menurut Husain Ahmad lagi saudara baru di Malaysia ialah :

1. Sekiranya seseorang itu baru memeluk Islam atau telah lama memeluknya tetapi boleh menguasai Islam hanya sekadar fardhu ain, maka bolehlah dipanggil Saudara Baru.
2. Sekiranya seseorang itu telah memeluk Islam, menguasai ilmu fardhu ain serta telah menerima kad rasmi perakuan memeluk Islam, maka hendaklah dianggap Saudara Kita atau saudara Baru.
3. Sekiranya seseorang itu telah berkahwin dan mempunyai anak-anak yang telah Islam sejak lahir, kemudian menjadi generasi kedua Islam, maka golongan ini tidak boleh dipanggil Saudara Baru.

²² *Ibid.*, hadith no 234, m. s. 169.

4. Sekadar penentuan saudara baru secara mudahnya diukur mengikut tahap penguasaan ilmu fardhu ain. Walaupun begitu satu penunjuk aras hendaklah digunapakai dan boleh diselaraskan oleh pihak berkuasa agama. Generasi yang lahir daripada Saudara Baru tidak lagi dihubungkan dengan istilah Saudara Baru.²³

1.2 Saudara Baru Cina di Selangor

1.2.1 Sejarah kemasukan orang Cina

Kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu bermula sejak kerajaan Melaka lagi. Ini dibuktikan dengan wujudnya masyarakat Baba Melaka. Tetapi jumlah mereka tidaklah begitu besar. Penghijrahan beramai-beramai pendatang Cina bermula pada awal abad kesembilan belas berikutan penemuan lombong bijih timah. Mereka telah dibawa masuk oleh penjajah Inggeris. Oleh sebab kelompok mereka agak ramai, mereka hidup di dalam kelompok mereka sendiri dan mengasingkan diri dari masyarakat Melayu dan kaum-kaum lain. Mereka bercakap dengan bahasa ibunda mereka dan menganut kepercayaan dan adat resam mereka sendiri.

²³ Hussain Ahmad (1978), *op cit.*, m.s. 74.

Mengikut sejarah, Selangor merupakan negeri kedua selepas Perak menerima Penasihat British dalam semua urusan kecuali adat istiadat Melayu dan agama Islam. Pihak British yang memperkenalkan Sistem Residen di Negeri Selangor pada tahun 1874 telah mewujudkan pelbagai jenis rekod rasmi ketika melaksanakan segala urusan ketika melaksanakan segala urusan dan aktiviti pentadbiran, ekonomi dan sosial.

Sebelum pentadbiran British di Selangor bermula, aktiviti ekonomi yang utama ialah perlombongan bijih timah. Banyak lombong bijih telah dibuka terutamanya di Kuala Lumpur, Sungai Besi, Ampang, Cheras dan Rawang yang kebanyakannya dikuasai oleh pelombong Cina.²⁴

Menurut Saudara Abdul Kadir Leong,²⁵ orang Cina yang berpindah ke Malaysia khususnya, dan ke Nusantara umumnya pada awal abad kesembilan belas hampir semuanya bukan beragama Islam. Kepercayaan mereka bercampur aduk di antara Buddha, Confucionisme, Toisme dan penyembahan datuk nenek atau *animisme*. Apabila mereka berada di negara ini, mereka terdedah kepada fenomena-fenomena baru yang sama sekali berlainan daripada fenomena yang pernah ditempuhi.

²⁴ Arkib Negara Malaysia, <http://arkib.gov.my/bn/perkhidmatan/failselangor.htm>, 12 Februari 2002.

²⁵ Abdul Kadir Leong, aktivis Persatuan Cina Muslim Malaysia, aktif menulis serta berdakwah bersama dengan JAIS dan PERKIM, temubual pada 12 Mac 2000.

Oleh itu, didapati masyarakat Cina telah mula menukar *kovens* kepada dua agama lain iaitu Islam dan Kristian.

Apabila orang Cina memeluk agama Islam, mereka perlu mengubah tatacara kehidupan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Ini berbeza dengan Kristian tidak menganjurkan perubahan cara hidup dan masih boleh mencampur adukkan kepercayaan Kristian dengan kepercayaan lama Cina. Ini adalah daya tarikan utama kepada orang Cina untuk menganut agama Kristian dan tidak berminat dengan agama Islam. Selain itu, banyak lagi halangan bagi orang Cina untuk memeluk agama Islam.²⁶

Kini, harapan untuk mengalihkan halangan itu semakin cerah, pelbagai aktiviti dakwah kepada masyarakat Cina kini sedang pesat dijalankan oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persatuan Darul Fitrah, al-Khadeem dan lain-lain. Bagi Unit Dakwah Saudara Kita JAIS pula telah dianggotai oleh ramai cina Muslim seperti Ustaz Yusof Ong, Us. Shafie Patt dan lain-lain lagi.

²⁶ Ibid.,

Penulis sempat meninjau program dakwah mereka antaranya mengadakan kunjungan ziarah kepada sepasang keluarga Cina Muslim yang berjaya membuka restoran *Chinese Muslim* di Klang pada Jun 2000, dan dalam majlis kesyukuran itu diserikan dengan majlis pengislaman menantu mereka yang diberi nama Islamnya Aisyah Tan.

Aktiviti ziarah serta dakwah juga kerap dilakukan secara bulanan dan tahunan mengikut perancangan yang diaturkan dengan kerjasama Unit Dakwah Saudara Kita JAIS, termasuk dakwah ke Pulau Ketam dan melawat tiga keluarga Cina Muslim di sana.²⁷

Kegiatan dakwah di negeri Selangor semakin baik dengan penubuhan Unit Dakwah Saudara Kita di setiap daerah di negeri Selangor dan disini dinyatakan statistik pengislaman masyarakat Cina mengikut daerah untuk tahun 2002.

²⁷ Pada 14 Oktober 2000, Melawat saudara Ibrahim Seah, saudara Ishak Hoo dan saudara Ali Chua, dalam lawatan tersebut pihak JAIS telah meluluskan peruntukan bagi membina kompleks surau baru bernilai RM 400,000 untuk kegunaan masyarakat Islam di sana

Jumlah pengislaman masyarakat Cina Selangor untuk tahun 2002

Bil	Lokasi	Cina Lelaki	Cina wanita
1.	Shah Alam	15	6
2.	Kuala Langat	2	1
3.	Hulu Langat	14	3
4.	Subang Jaya	10	6
5.	Petaling Jaya	3	4
6.	Sepang	2	-
7.	Hulu Selangor	2	1
8.	Klang	18	5
9.	Kuala Selangor	3	-
10.	Gombak Barat	3	3
11.	Gombak Timur	-	2
12.	Sabak Bernam	-	2
	JUMLAH	72	33

Sumber : Laporan Tahunan 2002, Jabatan Agama Islam Selangor.

1.3 Saudara Baru India di Selangor

1.3.1 Persepsi awal mereka tentang Islam

Masyarakat India yang beragama Hindu menganggap bahawa Islam adalah satu agama yang baru.²⁸

Mereka juga berpandangan bahawa agama semuanya sama iaitu penghayatannya akan membawa kepada syurga. Penempatan mereka lebih terutama di kawasan estet yang menyebabkan dakwah Islamiah mendapat tentangan yang hebat kerana mereka tinggal di dalam kelompok mereka.

Mereka secara majoritinya adalah dari masyarakat yang susah disebabkan bilangan ahli anggota yang ramai yang memerlukan keperluan material secara terdesak, jadi mana-mana kumpulan yang dahulu boleh memenuhi keperluan mereka akan mendapat perhatian yang lebih.²⁹

²⁸ Islam mula diasaskan pada 1400 tahun berbanding agama Hindu yang pada anggapan mereka sudah bertapak di Tanah Melayu lebih awal iaitu 2000 tahun yang lalu, Ustaz Farid Ravi Abdullah, Pensyarah Kolej Islam Darul Ehsan, temubual pada 12 Mei 2000.

²⁹ Ustaz Abdul Rahman Siva Abdullah, Penolong Pegawai Dakwah JAIS, temubual pada 12 April 2000.

Selepas kemerdekaan tercapai antara personaliti yang banyak membantu gerakan dakwah terutama kepada masyarakat India ialah Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidullah, sumbangan beliau kepada agama dan negara adalah amat besar.²⁹

Di samping bergiat dalam bidang dakwah melalui radio, televisyen, serta ceramah-ceramah jempunan, beliau juga aktif menulis makalah-makalah untuk akhbar dan majalah-majalah dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil.³⁰

Usaha-usaha itu diteruskan dengan bantuan kerajaan serta sokongan dari badan-badan bukan kerajaan yang ditubuhkan Persatuan Madrasah India Muslim Malaysia (MIM), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) dan lain-lain.

Antara persatuan yang aktif berkaitan dengan masyarakat muallaf ialah Persatuan Dakwah dan Kebajikan Saudara Baru India Malaysia atau singkatannya Al-HIDAYAH yang ditubuhkan pada 22 April 1999. Persatuan ini dipengerusikan oleh En Abdul Latif Satiran Abdullah. Antara tujuan utama penubuhan badan ini ialah untuk menjadi

²⁹ Antaranya sebagai Pengasas dan Yang Di Pertua PERKIM (1960-1964), Pengasas dan Yang Di Pertua Persekutuan Muslimin India-Malaysia (1969-1979), Yang Di Pertua Majlis Masjid India (1963-1980), Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (1969-1972) dan ahli badan-badan kebajikan Islam yang lain.

³⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

<http://islam.gov.my./informasi/islam/tokoh/hijrah10.html>, 23 Oktober 2002.

penghubung bantuan agensi kerajaan dan JAIS serta kebajikan dakwah kepada masyarakat India yang ingin dan telah memeluk Islam. Ahli-ahli persatuan ini bergerak aktif dan mempunyai pejabat di Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh, Selangor.³¹

Jumlah pengislaman masyarakat India untuk tahun 2002

Bil	Lokasi	Lelaki	wanita
1.	Shah Alam	17	10
2.	Kuala Langat	5	2
3.	Hulu Langat	12	6
4.	Subang Jaya	4	4
5.	Petaling Jaya	7	3
6.	Sepang	6	6
7.	Hulu Selangor	6	1
8.	Klang	20	7
9.	Kuala Selangor	9	10
10.	Gombak Barat	21	8
11.	Gombak Timur	1	1
12.	Sabak Bernam	2	1
	JUMLAH	110	59

Sumber : Laporan tahunan 2002 Jabatan Agama Islam Selangor.

³¹ Haji Abdul Latif Satiran, Presiden Al-Hidayah, temubual pada 20 April 2000.

1.4 Saudara Baru dari kalangan Orang Asli di Selangor

1.4.1 - Siapakah Orang Asli

Akta 134 (1954) Perlembagaan Malaysia,³² memberi definisi Orang Asli (*aborigine*) sebagai :-

- (1) (a) seseorang yang ibu-bapanya adalah Orang Asli atau pernah menjadi anggota sesuatu kelompok etnik Orang Asli yang bertutur dalam sesuatu bahasa Orang Asli dan pada lazimnya hidup mengikut cara dan adat resam serta kepercayaan Orang Asli.

- (b) Seseorang dari mana-mana keturunan yang telah diambil sebagai anak angkat semasa kecil oleh Orang Asli yang telah dididik sebagai Orang Asli pada lazimnya bertutur dengan bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup, adat resam dan kepercayaan Orang Asli.

- (c) Anak hasil perkongsian antara seorang perempuan Orang Asli dengan lelaki daripada keturunan lain, asalkan anak itu pada lazimnya bertutur dalam sesuatu bahasa Orang Asli.

³² Perlembagaan Malaysia (1954), Akta 134, m.s. 6

mengikut cara hidup adat resam dan kepercayaan Orang Asli dan terus kekal sebagai anggota sesuatu komuniti Orang Asli.

- (2) Mengenai perkara yang sama menyatakan bahawa mana-mana Orang Asli yang telah menukar agamanya atau disebabkan sesuatu tidak lagi berpegang dengan kepercayaan, cara hidup atau bahasa Orang Asli masih dianggap Orang Asli meskipun telah menukarkan agama mereka.

1.4.2 - Kegiatan dakwah

Kegiatan dakwah kepada masyarakat orang Asli di Selangor mendapat kerjasama rapat dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor. Pihak JAIS juga mendapat kerjasama rapat dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mengatur program kesedaran juga bimbingan kepada masyarakat ini.

Hasilnya, menurut Encik Nor Lee Abdullah, kini terdapat peningkatan kecenderungan masyarakat Orang Asli khususnya di dalam 26 perkampungan Orang Asli di Selangor. Kesan ini lebih ketara lagi dengan terdirinya surau masyarakat serta diadakan program-program fardhu ain secara mingguan dan bulanan bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang Islam.

Antara daerah yang aktif ialah Sepang, Gombak dan Hulu Selangor. Untuk daerah Sepang terdapat sebanyak 13 perkampungan dan yang paling aktif ialah perkampungan Orang Asli Bukit Bangkong, Sg Pelek. Seramai 113 orang penduduknya telah memeluk agama Islam dan sedang mengikuti program-program lanjutan fardhu ain yang telah dijadualkan.

Menurut Puan Saloni Abdullah, kebanyakan masyarakat muslim Orang Asli di kawasan Dengkil dan Sepang bekerja sebagai buruh dan pekerja am di sektor perkilangan dan perindustrian, hanya sebahagian kecil dikalangan mereka yang masih kekal dengan pekerjaan tradisi seperti menangkap ikan, mencari buloh dan rotan di hutan.³³

Bagi daerah Gombak, menurut Maskur Che Ma terdapat sebanyak 7 perkampungan Orang Asli, antara yang aktif ialah di Ulu Kuang. Pihak JAKIM pun turut sama membantu dengan menghantar pegawainya untuk berkhidmat sepenuh masa di sana.³⁴

³³ Puan Saloni Abdullah, Pegawai Dakwah JAIS Sepang, temubual pada 12 Ogos 2002

³⁴ Beliau ialah Ustaz Zainudin bin Daud, Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM.

Berikut adalah jadual taburan penduduk Islam masyarakat Orang Asli di daerah Gombak.

Bil	Nama Perkampungan Orang Asli	Bilangan yang telah memeluk Islam	Jumlah penduduk	Lokasi
1.	Bt 12 , Gombak	290 orang	1100 orang	Gombak Timur
2.	Bt 16, Gombak	2 keluarga	8 keluarga	Gombak Timur
3.	Kg Kemensah	-	6 keluarga	Gombak Timur
4.	Ulu Kuang	120 orang	300 orang	Gombak Barat
5.	Sg Buloh	30 orang	112 orang	
6.	Kg Sentosa, Sg Buloh	Semua Islam 7 orang sahaja	Dan mereka berkahwin dengan serta tinggal dengan orang melayu Islam	Gombak Barat
7.	Bukit Lagong	23 orang	40 orang	Gombak Barat

Di daerah Hulu Selangor pula, penulis sempat bersama menjayakan Program Ikatan Kasih Mesra,³⁵ di perkampungan Orang Asli, Kg Changkat Bintang, Hulu Selangor yang diadakan pada 23 dan 24 Julai 2001.

³⁵ Anjuran Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Perkampungan Orang Asli Changkat Bintang, Hulu Selangor telah dibuka pada awal tahun 1950-an kini telah mendapat kemudahan prasarana yang cukup dari kerajaan. Pada tahun 1986, bekalan letrik 24 jam sehari telah dibekalkan, 1995 pula jalan turap telah diturap bagi memudahkan perhubungan kampung ini dengan pekan terdekat (pekan Kg Kuala Slim, Slim River). Pada tahun 1999 pula, bekalan air paip bersih siap untuk digunakan oleh penduduk kampung ini.

Masyarakat Orang Asli di perkampungan ini berjumlah 125 orang, kini 98 peratus telah memeluk Islam. Islam mula mendapat perhatian dari penduduk kampung ini, apabila salah seorang dari anak tempatan, Roslan bin Abdullah yang kini bertugas sebagai Pengerak Masyarakat Orang Asli mula mendapat hidayah untuk memeluk Islam. Minat beliau untuk memeluk Islam bermula apabila tertarik dengan cara hidup Islam keluarga angkat beliau di kampung berdekatan iaitu kampung Alah Batu. Semenjak dari itu seorang demi seorang telah memeluk Islam hasil dari dorongannya.

Pembinaan surau di dalam perkampungan ini juga telah memudahkan masyarakat disini untuk menjalankan ibadah solat fardhu berjamaah dan juga mempelajari Al-Qur'ān dan tulisan asas jawi di atas bimbingan Roslan Abdullah. Aktiviti pekerjaan utama di sini ialah

menoreh getah yang dijadikan sebagai sumber utama pendapatan di samping membesarkan anak-anak mereka dengan berpaksikan etika seorang muslim.

Tujuan utama program ini ialah untuk merapatkan lagi tali silaturrahim di samping ziarah dan dakwah terutama dengan agensi kerajaan yang berkaitan. Pelbagai acara diadakan bagi memeriahkan lagi antaranya ialah kuiz agama untuk penduduk, ujian bacaan al-Fatihah, kuliah agama dan tazkirah serta majlis pengislaman. *Şāhib al-Sa'ādah* Dato' Mansur Ramli dalam ucapannya mahukan masyarakat Orang Asli mengutamakan pendidikan anak-anak kerana dengan adanya pendidikan sahajalah dapat merubahkan serta memajukan masa depan generasi yang akan datang, sehingga masyarakat Orang Asli duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan masyarakat lain di negeri ini.³⁶

Hal ehwal pengislaman masyarakat Orang Asli ini diketuai oleh Ustaz Nor Lee bin Abdullah, seorang kakitangan Unit Dakwah Saudara Kita di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

³⁶ Ucapan perasmian penutup Tuan Pengarah JAIS, Sahibus Samahah Dato' Mansur Ramli.

Jumlah pengislaman masyarakat Orang Asli untuk tahun 2002

Bil	Lokasi	Lelaki	Wanita
1.	Shah Alam	-	-
2.	Kuala Langat	-	-
3.	Hulu Langat	2	1
4.	Subang Jaya	-	1
5.	Petaling Jaya	3	12
6.	Sepang	3	7
7.	Hulu Selangor	18	16
8.	Klang	-	-
9.	Kuala Selangor	-	-
10.	Gombak Barat	5	3
11.	Gombak Timur	-	2
12.	Sabak Bernam	-	-
	JUMLAH	31	42

Sumber : Laporan tahunan 2002, Jabatan Agama Islam Selangor.

1.5 Kesimpulan

Sebagai penutup bab yang pertama ini, pihak JAIS diharapkan dapat mengkhususkan operasi dakwah mengikut komposisi etnik dan kaum yang berbeza. Matlamat kerja-kerja dakwah dapat dilaksanakan dengan mewujudkan organisasi sokongan dalaman mahupun luaran yang dapat memantau keberkesanan setiap program yang dijalankan.

Para pengkaji sains sosial, pelajar-pelajar dakwah kemasyarakatan juga boleh dilibatkan secara berjadual menganjurkan program *Inter-faith, comparative religion* juga program kebajikan dengan kerjasama badan – badan bukan kerajaan di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor.

Pasukan khas bagi memantau kelas pengajian mualaf mestilah diwujudkan bagi peningkatan kualiti dakwah dan latihan yang diberikan kepada golongan saudara baru ini. Ini penting agar kehendak visi dan misi peningkatan para mualaf dapat diusahakan mengikut sasaran masa yang ditetapkan.